

15 SEP 1999

DR MAHATHIR RASMI PANGGUNG NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merasmikan Panggung Negara yang disenaraikan antara 10 panggung terancang di dunia serta setaraf dengan Royal Albert Hall di London.

Panggung yang menelan belanja RM210 juta itu diberi nama Istana Budaya dan terletak di Jalan Tun Razak bersama Balai Seni Lukis Negara dan Perpustakaan Negara.

Ia mula dibina pada tahun 1995 dan merupakan sebuah bangunan yang unik kerana bumbungnya berbentuk tepak sirih dan mempunyai peralatan yang canggih.

Panggung seluas 21,000 meter persegi itu akan menyediakan 200 hari persembahan dalam setahun dan ia dapat menampung kira-kira 1,500 penonton.

Rekabentuk bangunan ini diilhamkan oleh arkiteknya Mohammad Kamar Yaakub dengan bercirikan kebudayaan Melayu serta kemasan dalaman yang menggunakan bahan-bahan tempatan seperti jubin marmar dari Langkawi, kayu kayan tropika bermutu tinggi, dihiasi pula dengan berberapa lukisan karya pelukis dan seniman negara Datuk Syed Ahmad Jamal.

Sempena pembukaan rasmi itu, pementasan perdana musikal "Keris Sang Puteri" diadakan.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan menteri-menteri kabinet.

Dengan adanya panggung yang serba canggih itu dan dilengkapi kemudahan pentas dan sistem suara yang terbaik, kumpulan-kumpulan muzikal dan teater terkenal antarabangsa dijangka lebih bersedia membuat pertunjukan di sini.

-- BERNAMA

AR RON